


Newspaper	Buletin Perkasa
Date	/ / 2013



Awas orang Melayu ada tangan tersembunyi

Peringatan Tan Sri Rahim Noor

SOALAN: Apa pandangan Tan Sri mengenai perkembangan politik mutakhir ini khususnya melibatkan kelangsungan orang Melayu?

RAHIM NOOR: Perpecahan di kalangan orang Melayu makin merebak kerana kita sendiri mudah terpesona dengan perjuangan pihak tertentu yang bijak mengeksploitasi isu. Perpecahan ini menyebabkan orang Melayu kini berada dalam keadaan lemah dan mudah diperkotak-katikkan.

Dahulu ketika kita miskin dari segi idealogi, ilmu pengetahuan mahu pun ekonomi tetapi orang Melayu berjaya menentang Malayan Union dan menolak idealogi komunis. Ketika itu orang Melayu 'kaya' dengan ketaatan kepada raja, agama Islam dan bersatu-padu.

Sebab itu saya menyeru kita kembali kepada tiga perkara ini dalam usaha memperkukuh orang Melayu.

SOALAN: Usaha untuk menyatukan kembali orang Melayu ini dilihat menjadi keutamaan kerajaan tetapi sering digagalkan pihak tertentu demi matlamat politik mereka.

RAHIM NOOR: Penyatuan orang Melayu bukan sahaja menjamin keselamatan negara, malah ia juga akan memberi rahmat kepada kaum lain yang nidup bersama di negara ini. Orang Melayu perlu bersatu seperti mana ketika 1946 dahulu semasa membantah usaha untuk menubuhkan Malayan Union.

Malah, kesatuan serta kesepakatan orang Melayu ketika itu juga yang menyebabkan ideologi penganas komunis gagal meresap di negara ini. Ia merupakan asas kepada keamanan yang kita kecapi sepanjang 55 tahun negara merdeka.

Kita sebagai rakyat dapat hidup dengan aman walaupun terdapat perbezaan bangsa serta agama, pembangunan negara turut berjalan lancar kerana keamanan ini. Jadi bersatulah. Hanya dengan bersatu, keselamatan kita akan terjamin dan negara sentiasa aman makmur.

SOALAN: Pas dilihat penyumbang perpecahan orang Melayu, bermula

“

Perpecahan di kalangan orang Melayu makin merebak kerana kita sendiri mudah terpesona dengan perjuangan pihak tertentu yang bijak mengeksploitasi isu. Perpecahan ini menyebabkan orang Melayu kini berada dalam keadaan lemah dan mudah diperkotak-katikkan.

dengan tindakan keluar Barisan Nasional (BN) hinggalah kepada pelbagai fatwa dan amanat yang mengelirukan.

RAHIM NOOR: Orang Melayu kena sedar dan terima hakikat ini. Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sehingga sekarang belum menarik balik amanat beliau yang mengkafirkan UMNO. Amanat tersebut jelas membawa perpecahan.

Saya nak tegaskan kepada orang Melayu, Nabi Muhammad SAW mempunyai bapa saudara yang sehingga ke akhir hayat tidak memeluk Islam tetapi Baginda tidak pernah bercakap soal kafir jauh sekali menghina mereka tetapi ulama politik dalam Pas begitu mudah mengkafirkan orang lain.

SOALAN: Kini wujud pula kelompok orang Melayu yang berselindung di sebalik perjuangan hak asasi dilihat memburukkan lagi perpecahan di kalangan orang Melayu. Bagaimana Tan Sri melihat perkara ini?

RAHIM NOOR: Hak asasi manusia kini menjadi 'agama' dan ideologi yang kemudiannya digunakan untuk merubah dan merobek segala prinsip atau order yang telah wujud. Kita

nampaknya tidak dapat mengelak bukan hanya tempias malah terpaksa menerima hujan lebat ini.

Sebab itu kita lihat prinsip asas kita iaitu Perlembagaan yang dipersetujui semua kaum sebelum negara mencapai kemerdekaan sekarang cuba dirobek dan dipersoal dengan cara mengaitkannya dengan hak asasi manusia.

Sama ada rakyat sedar atau tidak apabila ada gelombang seumpama itu, tentunya ahli politik dan pemikir nampak macam mana isu tersebut boleh dimanfaatkan, digembleng dan digarap demi mencapai matlamat politik mereka.

Kalau saya seorang ahli politik saya akan garap sepenuh-penuhnya isu-isu yang dilihat bertentangan dengan hak asasi manusia. Juga akan membangkitkan kajian semula terhadap kontrak sosial yang telah dipersetujui supaya bersesuaian dengan gelombang sekarang.

SOALAN: Maknanya keributan yang berlaku di Malaysia sekarang banyak berpunca disebabkan terdapat ahli politik tertentu mengeksploitasi perkara itu?

RAHIM NOOR: Ahli-ahli politik silap langkah dan mudah terperangkap. Demi mencapai cita-cita politik jangka pendek, sederhana atau panjang mereka eksploitasi isu hak asasi. Sama ada sedar atau tidak kita dipergunakan orang yang kita gunakan.

Lebih-lebih lagi orang luar yang ada agenda global terhadap kita. Kita ingat kita pandai, orang politik lain bodoh tetapi tanpa kita sedar ada tangan tersembunyi menggunakan kita sehingga kita terpesona.

Percayakah anda di Jabatan Negara AS, sebuah jabatan ditubuhkan khusus untuk mengawasi hak asasi di negara-negara lain. Hak asasi manusia ini kemudiannya dijadikan alasan untuk menyerang negara berkenaan.

SOALAN: Tan Sri sebut mengenai ahli politik yang diperguna dan memperguna, boleh huraikan?

RAHIM NOOR: Sebenarnya istilah hak asasi lahir daripada Ghetto of the

Jews. Pandangan ini berdasarkan pengamatan dan bacaan saya. Di mana jika kita lihat bangsa Yahudi mengalami tekanan, penindasan oleh pelbagai kuasa besar sebelum tertubuhnya negara Israel pada 1948.

Saya yakin di sebalik tirai yang dipanggil hak asasi iaitu dengan cara menjuarai isu tersebut sebenarnya ada puak yang menentukan supaya mana-mana negara yang menentang Yahudi dan Israel akan jatuh dan Malaysia adalah salah sebuah negara tersebut.

Pihak itu akan gunakan segala daya dan menjadikan orang politik tempatan yang telah dikaji latar belakangnya sebagai alat menghalalkan cara mereka. Saya yakin ada tangan tersembunyi menggunakan soal hak asasi untuk menentukan kerajaan sesuatu negara.

Manakala tangan tersembunyi mencari mana-mana individu yang boleh dijadikan boneka. Tak perlu

“

Tangan tersembunyi mencari mana-mana individu yang boleh dijadikan boneka. Tak perlu ramai, mereka mungkin hanya tiga tokoh yang faceless untuk menyebarkan kerosakan dan menyalurkan dana yang bukan sedikit.

ramai, mereka mungkin hanya tiga tokoh yang faceless untuk menyebarkan kerosakan dan menyalurkan dana yang bukan sedikit.

Saya bimbang orang tempatan yang digunakan fikir mereka lebih pandai umpama cerita Do Re Mi yang nak kenakan Pak Lebai untuk makan percuma akhirnya mereka yang kena.